

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

- PERTANYAAN** : **BERTULIS**
- DARIPADA** : **TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY**  
**[ BACHOK ]**
- SOALAN** : Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan kadar dan jenis-jenis racun yang ada pada beras tempatan dan beras import. Apakah langkah-langkah Kementerian dalam memastikan beras yang dihasilkan adalah selamat dan sihat untuk dimakan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Setiap jenis racun perosak yang digunakan pada beras tempatan dan beras import mempunyai kadar dan paras maksimum residu (MRL) yang berbeza yang tertakluk di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974 dan Akta Makanan 1983. Jenis-jenis racun perosak yang biasanya digunakan pada beras tempatan dan beras import adalah racun serangga, racun kulat, racun rumpai dan racun tikus. Terdapat sebanyak 714 racun perosak berdaftar untuk digunakan pada tanaman padi bagi mengawal serangga, rumpai, penyakit, tikus, nematod dan siput. Kesemua racun perosak ini telah ditetapkan nilai MRL dari 0.02 hingga 28 mg/kg bergantung kepada jenis perawis aktif sesuatu racun perosak. Pada tahun 2014, sebanyak 490

sampel padi, 40 sampel beras dan 40 sampel sekam telah dianalisis dan keputusan analisis mendapati pelanggaran MRL adalah sangat rendah iaitu kurang dari satu peratus (1 %) sampel yang dianalisis. Keputusan ini menunjukkan bahawa penggunaan racun perosak pada tanaman padi adalah mengikut syor-syor yang terdapat pada label dan ini adalah selari dengan amalan-amalan pertanian baik (APB) bagi memastikan pengeluaran beras Negara adalah berkualiti dan selamat untuk dimakan.

- (b) Langkah-Langkah Kementerian dalam memastikan beras yang dihasilkan adalah selamat dan sihat untuk dimakan adalah:
  - (i) Jabatan Pertanian melalui Lembaga Racun Makhluk Perosak (LRMP) telah melaksanakan kawalan residu/sisa baki racun perosak di dalam makanan dan komoditi pertanian melalui undang-undang iaitu Akta Racun Makhluk Perosak 1974 (pindaan 2004);
  - (ii) Skim Pensijilan di bawah kelolaan Jabatan Pertanian seperti pensijilan MyGAP (Skim Amalan Ladang Baik Malaysia), SOM (Skim Organik Malaysia) dan program pemantauan residu berkala bagi komoditi pertanian tertentu.